

MODENISASI KETENTERAAN CHINA:  
SUATU TINJAUAN



**Rusdi Omar**  
**Mohamad Faisol Keling**  
**Mohd Dino Khairri Sharifuddin**  
*Fakulti Pengajian Antarabangsa*  
*Universiti Utara Malaysia*

*Kejatuhan Soviet Union secara rasminya pada 1991 telah memberikan impak kepada hubungan antara negara dalam sistem hubungan antarabangsa. Jelasnya ia telah mewujudkan sebuah interaksi negara dalam perubahan sistem kepada dominasi Amerika sebagai kuasa Unipolar. Berikutan kejatuhan kuasa komunis Soviet ini, ia telah membuka ruang baru kepada kuasa-kuasa besar yang lain untuk memastikan perlindungan dari segi keselamatan dan kelangsungan hidup sesebuah negara. Apa yang jelas dalam konteks Asia Pasifik, perubahan sistem Bipolar kepada Unipolar telah memberi kesedaran dan mewujudkan bentuk persaingan kepada negara-negara di Asia Pasifik untuk muncul sebagai kuasa dominan di rantau, khususnya China yang dilihat sebagai kuasa besar yang mempunyai potensi menggantikan kuasa besar Soviet Union. Berikutan tamatnya Perang Dingin dan kejatuhan Soviet Union dijadikan sebagai teladan, China telah menampakkan diri sebagai 'kuasa baru' dengan tidak hanya muncul sebagai kuasa ekonomi tetapi juga sebagai kuasa ketenteraan. Perubahan doktrin pertahanan China untuk muncul sebagai kuasa ketenteraan telah menampakkan kepada dunia dengan keterampilan China dengan membangunkan ketenteraan dan pemodenan People's Liberation Army (PLA) semenjak 1990an ketika China di bawah pemerintahan Deng Xiaoping. Pengamalan 'Doktrin Pre-emptive Strike' dan 'Doktrin Preventive War' telah membuktikan China amat serius untuk menjadikan angkatan pertahanannya sebagai angkatan pertahanan yang paling dominan di rantau Asia Pasifik. Peningkatan penggunaan dan pemilikan terhadap senjata-senjata strategik dan senjata-senjata taktikal adalah bertepatan dengan termaktubnya doktrin untuk mempunyai persenjataan berteknologi tinggi.*

*Namun apa yang menjadi persoalan ialah mengapa China perlu membangunkan ketenteraan dan pertahanan, adakah pembangunan ketenteraan ini bersifat tidak balas (reaction) dalam arena perlumbaan senjata atau ianya bersifat sebagai cegah rintang (deterrence) dan keseimbangan kuasa (balance of power) sebagai strategi keselamatan.*

## **PENDAHULUAN**

China kini sedang berkembang sebagai sebuah aktor politik yang penting di arena antarabangsa. Perang Dingin yang tercetus pada akhir 1990-an yang menyaksikan pertembungan dua kuasa dominan pada ketika itu, iaitu Amerika Syarikat dan juga Soviet Union dalam usaha mereka untuk meluaskan ideologi masing-masing.<sup>1</sup> China merupakan sekutu Soviet Union dalam tahun 1950-an namun pada awal tahun 1960-an, hubungannya dengan Soviet musnah apabila masing-masing mendakwa dan bersaing untuk menjadi negara pemimpin dalam dunia komunis. Oleh yang demikian, pada tahun 1972 China telah menjalinkan hubungan yang baik dengan Amerika yang merupakan negara musuh pada mulanya dan menjelang tahun 1990-an, Soviet dikenalpasti sebagai musuh Amerika yang paling nyata. Menjelang tahun 1990-an juga, China telah berjaya mencapai suatu kedudukan yang lebih selamat dalam aspek pertahanan dan keselamatan. Pertumbuhan ekonomi yang dialaminya adalah sebagai suatu kelebihan baginya untuk mencapai aspirasi menjadi sebuah kuasa besar khususnya dalam aspek ekonomi dan keselamatan.

Malahan, kebangkitan semula China ini juga dikhuatiri akan meluaskan lagi ideologi komunis di rantau Asia yang merupakan kawasan utama di mana ia adalah rantau penting bagi Amerika untuk membentuk pengaruhnya. Kejatuhan empayar Soviet Union memperlihatkan bahawa China adalah satu-satunya kuasa yang masih lagi kuat dan berpengaruh dalam fahaman komunis. Selain dari itu, kejatuhan Soviet juga menyaksikan kemunculan kuasa Amerika Syarikat sebagai sebuah kuasa tunggal yang tidak berdepan

---

<sup>1</sup> Mohd Noor Yazid. (2000). *Politik Antarabangsa Asia Pasifik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Hal: 77.

dengan cabaran dari kuasa lain. Namun, Amerika kini perlu bersiap sedia menghadapi kemungkinan bahawa China akan menjadi pencabarnya. Menyedari tentang hal ini, Amerika telah cuba untuk membendung pengaruh komunis yang mampu mempengaruhi situasi di rantau Asia Timur khususnya dan dunia secara umumnya. China kini berusaha untuk menguatkan lagi kedudukan negaranya menjadi semakin teguh dengan kemasukan Hong Kong dan Macau yang mana akan menguatkan lagi kedudukan China dalam aspek ekonomi dan ketenteraan. Aspek ketenteraan Hong Kong akan meningkatkan lagi keupayaan ketenteraan China dengan bertambahnya jumlah tentera laut, darat dan udara yang besar. Malahan, sekiranya Amerika berundur dari rantau Asia, maka China hampir pasti akan menjadi sebuah kuasa yang berpengaruh.

Kuasa-kuasa besar khuatir terhadap kuasa China yang mulai dominan dalam aspek ekonomi yang mana akan turut mempengaruhi corak keselamatan China. Kedudukan China di arena antarabangsa dengan kekukuhan ekonomi serta berlakunya proses modenisasi dalam aspek ketenteraan menjadikannya sebagai sebuah kuasa besar dunia yang akan bersaing hebat dengan Amerika Syarikat sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Melalui kejayaan dalam menjana aspek ekonomi dengan baik, aspek keselamatan China akan berubah melalui proses modenisasi yang dilakukan. Aspek keselamatan China akan tertumpu kepada kuasa ketenteraannya yang menjadi tumpuan utama negara-negara kuasa besar seperti Amerika dan Soviet serta negara-negara serantau seperti ASEAN. Pada pandangan China sendiri, kekuatan ketenteraan adalah suatu keperluan kerana ia perlu memastikan agar negaranya dapat mempertahankan kepentingan nasional mereka. Selain dari itu, ia juga dapat memastikan agar akan terus wujud keadaan yang aman dan stabil di peringkat serantau. Mantan Presiden China, Jiang Zemin menyatakan bahawa;

*“Fulfilling our great targets and undertakings related to safeguarding China’s unity and security, while promoting world peace and stability, requires us to build a powerful army and consolidate national defence”.*<sup>2</sup>

---

<sup>2</sup> \_\_\_\_\_.(August 1, 1997). *Jiang Calls for a More Powerful Army*, The Star, Hal: 26.

Malah, beliau juga berpendapat bahawa pasukan ketenteraan China seharusnya berwaspada terhadap perubahan sama ada di peringkat domestik ataupun antarabangsa untuk mengukuhkan lagi tanggungjawab mereka sekaligus sebagai suatu usaha membentuk pembangunan dalam aspek ketenteraan China. Tindakan China untuk melaksanakan program modenisasi dalam aspek ketenteraannya telah menimbulkan pelbagai reaksi daripada negara jiran khususnya bagi negara-negara yang berada dalam rantau Asia. Bagi China, program-program modenisasi yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk mempertahankan diri (*self defence*) dan tidak bertujuan untuk menggugat kestabilan negara-negara lain.

Penjajahan oleh pihak Barat semasa China diperintah oleh Dinasti Qing menyedarkan China mengenai kelemahannya, terutamanya dalam aspek pertahanan ketenteraan. Ia telah menjadikan China untuk memodenkan aspek pertahanannya untuk memperkukuhkan kedudukannya serta mempertahankan kedaulatannya. China percaya bahawa Barat telah maju dalam aspek pertahanan kerana memiliki kelebihan dalam pembangunan saintifik.<sup>3</sup>

Secara amnya, proses modenisasi yang dilaksanakan adalah merangkumi aspek pasukan ketenteraan darat dan laut yang mana secara tidak langsung telah menimbulkan kebimbangan kepada negara-negara jiran yang khuatir sekiranya proses yang dilaksanakan ini akan mewujudkan suatu ketegangan dalam pertikaian beberapa buah kawasan seperti Laut China Selatan serta Kepulauan Spratly.

Namun, China dilihat akan sentiasa berhati-hati agar ia tidak menimbulkan sebarang ancaman khasnya kepada negara-negara serantau kerana menyedari akan kepentingan ekonomi. Pembangunan dalam aspek ekonomi akan memotivasikan masyarakat China untuk mengelakkan pertikaian dan konflik melainkan sekiranya kedaulatan China dicabar oleh kuasa-kuasa asing.<sup>4</sup>

---

<sup>3</sup> Chan, Gerald. (1999). *Chinese Perspectives on International Relations: A Framework For Analysis*. London: McMillan Press Ltd. Hal: 65.

<sup>4</sup> Montaperto, Ron. (1995). *China As A Military Power*, Strategic Forum, Institute for National Strategic Studies and National Defence University, No 56. Hal: 1.

Berlakunya ketidaktentuan dalam keadaan persekitaran aspek keselamatan di rantau Asia menjadikan China melakukan proses modenisasi dalam *People's Liberation Army* (PLA). Bagi sesetengah pihak, kombinasi dalam perkembangan ekonomi dan peningkatan dalam pasukan keselamatan adalah suatu petanda dan hasrat China untuk wujud sebagai suatu kuasa hegemoni serantau. Pandangan ini dikukuhkan lagi dengan andaian bahawa ia akan mencabar kepentingan Amerika.

Penilaian semula selama bertahun-tahun lamanya mengenai kekuatan ketenteraan akhirnya menjadikan PLA berkemampuan untuk berhadapan dengan peperangan di peringkat tempatan dengan menggunakan teknologi yang berteknologi tinggi (*local wars under high technology conditions*). Pelaksanaan doktrin ini memerlukan reaksi yang pantas dalam aspek kemampuan pasukan ketenteraan untuk berhadapan dengan serangan di luar sempadan China misalnya konflik yang dihadapi dengan Taiwan.<sup>5</sup>

Sepertimana pandangan yang diutarakan oleh Professor Xue Muohong yang menjalankan kajian mengenai Asia-Afrika, beliau menyatakan bahawa struktur kuasa dunia kini sebenarnya adalah berdasarkan kepada 'yichao siqiang' iaitu sebuah kuasa besar dan empat kuasa yang lainnya merujuk kepada Amerika Syarikat sebagai sebuah kuasa besar dan Kesatuan Eropah, Jepun, Russia dan China sebagai empat buah kuasa yang lain.

Seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 1, ia memperlihatkan bahawa telah berlaku interaksi di kalangan negara-negara tersebut dengan empat sudut kuasa di mana Amerika merupakan negara yang terletak di tengah-tengah kumpulan tersebut dan pada masa yang sama adalah sebuah kuasa utama. Hubungan di antara Amerika Syarikat, Jepun dan China telah membentuk satu hubungan segitiga yang merupakan faktor penentu untuk keamanan dan kestabilan di rantau Asia Pasifik. Amerika dilihat cuba untuk mengekang China dan menghalangnya daripada muncul sebagai sebuah kuasa yang hebat. Pada satu pihak yang lain pula, Amerika juga mempunyai hubungan dengan Russia dan Kesatuan Eropah. Namun apa yang ditekankan di sini

---

<sup>5</sup> Leeb, Scott M. (1997). *Military Forces in The Asia Pacific Region: China and The 21<sup>st</sup> Century*, Washington: Institute for International and Strategic Studies.

adalah mengenai hubungan tiga segi Amerika dengan China dan Jepun. Menyedari bahawa China adalah pencabarnya yang berpotensi besar serta disokong dengan pertikaian mengenai Taiwan, konfrontasi ini akan memberikan kesan terhadap kedua-dua buah negara. Seterusnya, konflik ini juga akan mempengaruhi program modenisasi ketenteraan China.

**Rajah 1**  
**Kuasa di Kalangan Negara-Negara Utama Dunia**



Sumber : Chan, Gerald. (1999). *Chinese Perspectives on International Relations: A Framework For Analysis*. London: McMillan Press Ltd. Hal : 111.

China kini mempunyai kuasa ketenteraan yang jauh lebih hebat daripada dekad-dekad yang sebelumnya. Sekiranya China bertindak, ia akan memberikan kesan yang besar terhadap keselamatan antarabangsa. Namun di dalam melihat potensi ancaman China pada masa hadapan, adalah perlu untuk kita melihat keadaan dari pelbagai sudut dan strategi yang terdapat dalam proses modenisasi PLA itu sendiri.

Semenjak tahun 1990, Russia merupakan pembekal utama sistem persenjataannya kepada China. Ekoran daripada isu Medan Tianannmen pada tahun 1989, China dikenakan sekatan perdagangan oleh pihak Barat, sekaligus mengekang hasrat China untuk melaksanakan proses permodenan dalam angkatan tenteranya. Russia pula membuka pintu untuk menjalinkan hubungan dengan China dengan membekalkan sistem pertahanan untuk China. Selain daripada itu juga, China telah menghantar pegawai-pegawainya untuk menjalani latihan ketenteraan udara untuk dilatih supaya lebih bersedia dalam peperangan moden kini. Bagi pihak Russia, penjualan

senjata ke China sekaligus dapat merangsang aliran kewangan dalam industri pertahanan Russia.<sup>6</sup>

Objektif utama permodenan aspek ketenteraan China adalah untuk muncul sebagai sebuah kuasa yang berpengaruh. China percaya bahawa status sebagai sebuah kuasa besar dapat dicapai dengan melalui pembinaan dalam aspek ekonomi dan ketenteraan yang bertaraf dunia. Ia memerlukan kestabilan persekitaran luaran untuk menyokong sepenuhnya perkembangan ekonomi.

China masih kekal sebagai sebuah kuasa ketenteraan yang terbesar di dunia berdasarkan kepada inventori sistem persenjataannya. Walau bagaimanapun, terdapat juga simpanan senjata yang lama semenjak tahun 1950an, 1960-an serta 1970-an yang mana kebanyakannya adalah diimport dari Soviet Union.

Di antara isu yang timbul yang menunjukkan kekuasaan China adalah dalam isu Kepulauan Spratly. Kepulauan Spratly ini terletak di Laut China Selatan yang berada di persimpangan sfera atau kawasan keselamatan di antara China dan Asia Tenggara. Kepulauan ini telah menimbulkan konflik di antara China dengan negara-negara yang lain iaitu Taiwan, Vietnam, Malaysia, Filipina dan Brunei.<sup>7</sup> Isu ini memperlihatkan penggunaan kuasa ketenteraan China untuk menguasai beberapa buah kawasan di kepulauan tersebut. Tuntutan China ke atas wilayah di kepulauan tersebut jelas membuktikan bahawa China menggunakan aspek ketenteraan untuk mendapatkan kawasan yang dianggap sebagai haknya. Pertikaian ini walau bagaimanapun tidak mewujudkan konflik yang begitu serius walaupun penguasaan China menimbulkan rasa khuatir negara di rantau tersebut.<sup>8</sup>

China telah menghantar pasukan tenteranya ke Laut China Selatan untuk menguatkan lagi kubu-kubunya dengan membangunkan kawasan yang

---

<sup>6</sup> Mohd Zaki Mohd Salleh. (November 2001). China: Kuasa Ketenteraan Baru Selepas Amerika Syarikat? *Perajurit*, Jilid 9. Kuala Lumpur: Atlas Cetak (M) Sdn. Bhd. Hal: 45.

<sup>7</sup> Odgaard, Liselotte. (2001). Deterrence and Co-Operation in The South China Sea, *Contemporary Southeast Asia*, Vol 23, No 2, Hal: 292.

<sup>8</sup> *Ibid.*, Hal: 294.

dikuasainya dengan pembinaan lapangan terbang, menjalankan aktiviti ketenteraan, menjalankan penyelidikan di dasar laut, melakukan aktiviti ekonomi seperti mencarigali petroleum serta membina pusat kaji cuaca di pulau-pulau terpencil di Laut China Selatan.

## **TENTERA DARAT DAN KERETA KEBAL**

PLA kini sedang berusaha untuk menyusun semula aspek ketenteraannya dengan matlamat untuk menjadikan pasukan ketenteraannya sebuah pasukan yang lebih moden. Pada tahun 2000, jumlah keseluruhan anggota tentera yang dianggarkan adalah sebanyak 2.5 juta yang mana kira-kira 1.8 juta daripadanya adalah dalam perkhidmatan tentera darat PLA. Pasukan tentera darat China dibahagikan kepada 7 wilayah ketenteraan dengan 27 daerah. Manakala di dalam 7 wilayah ketenteraan itu terdapat '21 Group Armies' yang mana setiap satunya terdiri daripada kira-kira 60,000 kakitangan.<sup>9</sup> Malahan, terdapat juga anggota tentera simpanan iaitu kira-kira 1.2 juta kakitangan yang dibahagikan kepada 50 divisyen tentera yang terdiri daripada pejalan kaki, pengendali meriam dan pertahanan udara.

Manakala dalam Pasukan Polis Bersenjata China dianggarkan bahawa terdapat 1.1 juta pegawai yang berkhidmat termasuklah dalam aspek keselamatan dalaman (*internal security*) dan pasukan pertahanan sempadan di bawah kawalan Kementerian Pertahanan. Pasukan Polis Bersenjata China dijangka akan semakin meningkat pada masa yang akan datang di bawah rancangan modenisasi dan penstrukturan semula yang dijalankan oleh China.

## **PASUKAN KETENTERAAN UDARA DAN PESAWAT PEJUANG CHINA**

Pasukan Tentera Udara China (PLAAF) memiliki kira-kira 4350 pesawat udara yang mana majoritinya adalah pesawat pejuang. Dianggarkan kini

---

<sup>9</sup> Moore, Frank W. (2000). *China's Military Capabilities*, Cambridge: Institute for Defense and Disarmaments Studies. Hal: 5.



Tentera Udara China mempunyai 4350 buah pesawat udara yang mana sebahagian besarnya adalah jet penggempur.<sup>10</sup> Permodenan dalam aspek ketenteraan udara China telah bermula sejak tahun 1992 apabila ia mendapatkan 26 buah pesawat penggempur Su-27SK dari Russia. Melalui kontrak yang dipersetujui pada tahun 1995, Russia telah menjual hak kebenaran kepada China bagi membina sendiri 200 buah Su-27. Tentera udara China telah menerima kumpulan awal 45 buah Su-30 MKK pada November 2000 yang bernilai 2 billion dollar yang merupakan rancangan untuk permodenan tentera udara dan menarik keluar pesawat-pesawat pejuang yang telah usang dalam simpanan mereka.

## PENGANGKUTAN LAUT

Dalam aspek pasukan ketenteraan laut, kebanyakan negara kuasa besar memilikinya untuk mempertahankan keselamatan di bahagian laut mereka. Namun China muncul sebagai sebuah negara yang memiliki kapal perang laju yang terbanyak berbanding dengan negara-negara lain di dunia. Jika di lihat dalam aspek geografi sememangnya China mempunyai kawasan maritim yang cukup luas dan pemilikan pengangkutan laut yang banyak adalah untuk memberi penekanan terhadap keselamatan perairan secara menyeluruh termasuk untuk mempertahankan lokasi strategik negara yang berada di persekitaran Laut China Selatan daripada sebarang ancaman.<sup>11</sup>

Malahan, pemilikan kapal serang yang banyak ini juga dipengaruhi oleh geo-strategiknya untuk menguatkan lagi kedudukan China untuk menghadapi konflik yang mungkin akan tercetus di antara China dengan Taiwan dan konflik di Laut China Selatan berkenaan dengan Kepulauan Spratly. Kuasa ketenteraan China sebenarnya banyak dibantu oleh Soviet termasuklah dalam aspek pembangunan armada kapal serang sejak awal

---

<sup>10</sup> Sehingga Januari 2000, pecahan pesawat udara China yang dapat dilihat adalah 1900 buah jenis J-6 (MiG-19), 720 J-7 (MiG-21), 222J-81, 55 J-11 (Su-27SK), 440 Q-5 (versi peningkatan MiG-19), 307 H-5/II-28 dan 142 H-6/Tu-16.

<sup>11</sup> \_\_\_\_\_ . (2002). Kapal serang Laju: Kapal Kecil yang Berbisa, *Perajurit*, Jilid 10, Hal: 58.

tahun 1950-an dengan memiliki kira-kira 70 buah MTB jenis P4 dari Soviet. Kemudian, China membina kapal serang lajunya yang pertama sebanyak 200 unit dan berbeza dengan Soviet, ia menggabungkan kedua-dua senjata peluru berpandu anti-kapal dan torpedo pada kapal serang lajunya.


Ia turut menerima 60 buah kapal Komar dan 60 buah kelas Osa dari Soviet sebelum membina kapal kelas Hegu yang mempunyai dua pelancar peluru berpandu SY-1-SSM yang mengikut konsep kapal Soviet. Pembinaan kapal kelas Huangfen yang mirip kepada rekabentuk kapal kelas Osa. Sehingga kini, Huangfen masih lagi mendominasi aspek kapal serang laju China. Malahan, China juga mengendalikan kapal serang laju moden kelas Houjian yang merupakan kapal tempur generasi baru dan bersaiz besar berbanding yang dimiliki oleh Taiwan. Kapal sepanjang 215 kaki dengan berat 520 tan dan digerakkan oleh tiga buah enjin diesel SEMT-Pielstick dengan kelajuan sehingga 32 knot. Ia juga turut dipasang dengan enam pelancar peluru berpandu anti-kapal C-801 Eagle Strike, dua meriam 37mm dan empat meriam 30mm. Konflik di antara China dan Taiwan secara tidak langsung juga memperlihatkan kedua-dua negara yang saling bersaing dalam perlumbaan penggunaan kapal serang laju namun Taiwan tidak setanding dengan kapal serang yang dimiliki oleh China.<sup>12</sup>

Rajah 2 menunjukkan peralatan-perang China dan negara-negara serantau seperti Korea Selatan, Jepun dan juga Taiwan. Ia menunjukkan bilangan kereta kebal yang dianggarkan akan digunakan di dalam perkhidmatan ketenteraan mereka semenjak dari tahun 1972 sehingga tahun 2005. Jika di lihat daripada jumlah kereta kebal yang dimiliki oleh China, ia mempunyai jumlah yang lebih banyak daripada negara-negara serantaunya yang dianggarkan sehingga tahun 2005 nanti. Jepun mempunyai jumlah yang agak sekata dari lingkungan 2000 buah kereta kebal dari tahun 1972 sehingga 2005. Taiwan juga dilihat akan mengalami pengurangan dalam bilangan kereta kebalnya menjelang tahun 2005 nanti. Korea Selatan pula dianggarkan akan mengalami pengurangan menjelang tahun 2005 nanti walaupun akan meningkatkan jumlah kereta kebalnya di sepanjang tahun 1990-an sehingga akhir tahun 2000.

---

<sup>12</sup> Ibid., Hal: 59.

**Rajah 2**  
**Peralatan Peperangan Kereta Kebal China Berbanding dengan**  
**Negara-Negara Serantau**




Sumber: Lihat Moore, Frank W. (2000). *China Military Capabilities*. Cambridge: Institute For Defense and Disarmament Studies. Hal: 13. <http://www.comw.org/cmp/fulltext/iddschina.html>.

Rajah 3 merujuk kepada bilangan pesawat pejuang yang dianggarkan akan digunakan di dalam perkhidmatan. China masih lagi dilihat mempunyai bilangan pesawat pejuang yang banyak di sepanjang tahun 1995 sehingga akhir tahun 2000, namun ia dianggarkan akan mengalami penurunan dalam bilangan pesawat pejuang ini nanti selepas tahun 2000 nanti. Berbeza dengan negara-negara serantau yang lain, bilangan yang dimiliki oleh Jepun, Korea Selatan dan Taiwan adalah sekata sehingga tahun 2005 nanti.


Rajah 4 pula menunjukkan bilangan kapal pejuang laut bagi China, Jepun, Korea Selatan dan juga Taiwan. Namun, Jepun dilihat mendahului negar-negara lain dengan memiliki bilangan kapal pejuang laut yang semakin meningkat iaitu sebanyak 250,000 tan dari tahun 1972 sehingga tahun 2005 nanti. China pula di lihat akan mengalami peningkatan dari 140,000 tan kepada 200,000 tan pada tahun 2005 nanti. Korea Selatan dan juga Taiwan di lihat tidak akan mengancam kedudukan Jepun dan China khususnya dalam bilangan kapal pejuang laut ini.

**Rajah 3**  
**Combat Aircraft**




Sumber: Lihat Moore, Frank W. (2000). *China Military Capabilities*. Cambridge: Institute For Defense and Disarmament Studies. Hal: 13. <http://www.comw.org/cmp/fulltext/iddschina.html>.

**Rajah 4**  
**Surface Combat Ship Tons**



Sumber: Lihat Moore, Frank W. (2000). *China Military Capabilities*. Cambridge: Institute For Defense and Disarmament Studies. Hal: 13. <http://www.comw.org/cmp/fulltext/iddschina.html>.

**Rajah 5**  
**Amphibious Assault Ship Tons**




Sumber: Lihat Moore, Frank W. (2000). *China Military Capabilities*. Cambridge: Institute For Defense and Disarmament Studies. Hal: 13. <http://www.comw.org/cmp/fulltext/iddschina.html>.

Rajah 5 pula menunjukkan bilangan kapal serang laut dan darat yang dimiliki oleh China, Jepun, Korea Selatan dan juga Taiwan. Pada tahun 1972 sehingga tahun 1987, China memiliki bilangan kapal serang yang sedikit berbanding dengan Taiwan iaitu di sekitar 80,000 tan sehingga 120,000 tan manakala Taiwan pula adalah di antara 100,000 tan sehingga 120,000 tan. Namun pada tahun 1987 sehinggalah tahun 2005 nanti, China dianggarkan akan memiliki bilangan yang akan mengatasi jumlah kapal serang yang dimiliki ooleh negara-negara serantau yang lain khususnya Taiwan. Walaupun mengalami sedikit penurunan, namun bilangan kapal serang China adalah lebih banyak berbanding dengan negara lain.


Rajah 6 menunjukkan bilangan kapal selam yang dimiliki oleh China dan juga negara sekitarnya. Ia menunjukkan bahawa China mempunyai bilangan kapal selam yang terbanyak iaitu dalam lingkungan 50,000 tan sehingga 210,000 tan dari tahun 1972 sehingga tahun 1992. Namun jumlah tersebut berkurangan bermula dari tahun 1992 sehingga tahun 2005 iaitu dari 210,000 tan kepada 150,000 tan sahaja. Penurunan ini tidak akan memberikan kesan kepada China memandangkan Taiwan, Jepun dan Korea Selatan mempunyai bilangan yang lebih kecil dari China.

**Rajah 6**  
**Submarine Tones**



Sumber: Lihat Moore, Frank W. (2000). *China Military Capabilities*. Cambridge: Institute For Defense and Disarmament Studies. Hal: 13. <http://www.comw.org/cmp/fulltext/iddschina.html>.

**RAJAH 7**  
**Rangka Perbelanjaan Rasmi Pertahanan China 1978-2004**



Sumber: <http://www.rand.org/publications/MG/MG260-1/>

Dalam mengukur proses pemodenan dan pembangunan ketenteraan China, ia dapat dilihat melalui proses perbelanjaannya khususnya dalam sektor pertahanan. Kesungguhan China untuk menjadi kuasa ketenteraan telah mendorong China untuk meningkatkan perbelanjaan rasmi pertahanannya semenjak awal 1980-an iaitu ketika era Deng Xiaoping (Rajah 7). Persaingan kuasa-kuasa besar dalam bidang ketenteraan telah mempengaruhi China untuk memperkuat pertahanan dalam menjamin keselamatannya. Ini kerana pada era 1980-an, persaingan kuasa antara Soviet Union dan Amerika telkah membuka ruang kepada China untuk mengambil kesempatan membangunkan ketenteraannya. Berikutan keruntuhan kuasa Soviet Union pada 1991, China telah mula mengambil langkah untuk membangunkan ketenteraannya dengan lebih pesat kerana China merupakan salah sebuah kuasa komunis selepas Soviet Union.

## **HUBUNGAN CHINA DAN AMERIKA SYARIKAT**

Interaksi China dengan dunia luar semakin meningkat melalui dasar pintu terbuka yang dilaksanakan olehnya. Keterbukaan China bukan sahaja dapat dilihat dalam aspek ekonomi semata-mata tetapi juga dalam aspek ketenteraan. Kebangkitan China sebagai sebuah kuasa ketenteraan yang dikagumi bukan sahaja menjadi tumpuan utama negara-negara yang sudah jauh lebih maju tetapi juga bagi negara-negara ASEAN dan serantau.

Amerika telah membuat perubahan besar di dalam aspek keselamatannya dengan mengambil kira beberapa aspek lain seperti ancaman China. Sesudah era Soviet dan penurunan ancaman Rusia, China dianggap berpotensi besar untuk mengisi kekosongan untuk muncul sebagai sebuah kuasa komunis serta meluaskan pengaruh.<sup>13</sup> China yang menghadapi masalah dengan Taiwan pula mengambil langkah untuk membangunkan aspek ketenteraannya untuk memastikan agar sebarang serangan dari pihak Taiwan dapat diatasi.

---

<sup>13</sup> Wan Abdul Latif Wan Muda. (2001). *Perubahan Strategi Nuklear AS..Perajurit*, Jilid 9 . Kuala Lumpur: Atlas Cetak (M) Sdn Bhd. Hal: 50.

Selepas tamatnya Perang Dingin, China telah mula menonjolkan dirinya di peringkat antarabangsa. Dalam Perang Korea (1950-1953) dan Perang Vietnam Kedua (1964-1975), China telah campurtangan dalam wilayah Asia Pasifik bersama-sama dengan beberapa buah kuasa besar seperti Amerika dan juga Soviet Union. Amerika bertindak untuk menyokong Korea Selatan yang diserang oleh Korea Utara. Ini adalah kerana Korea Selatan mengamalkan ideologi yang sama dengan Amerika iaitu sistem fahaman demokrasi berbeza dengan Korea Utara yang mengamalkan fahaman komunis serta mendapat bantuan dari pihak Soviet dan China.

Amerika melihat bahawa Republik Rakyat China ini sebagai suatu kuasa yang boleh membawa ancaman yang besar kepada Amerika dan sekutu-sekutunya serta di rantau Asia Pasifik. Oleh yang demikian, tindakan menghalang pengaruh komunis itu penting agar Amerika dapat meneruskan pengaruh dan kuasanya di rantau tersebut.<sup>14</sup> Hubungan yang tegang di antara kedua-dua buah negara ini berlanjutan sehingga kini kerana timbulnya perasaan syak wasangka di antara satu pihak dengan pihak yang lain.

Oleh yang demikian, Amerika telah mengenakan dasar pembendungan (*containment*) kepada China daripada meneruskan usahanya untuk meluaskan pengaruhnya. Selepas Perang Korea, China dijadikan tumpuan utama oleh pihak Amerika. Amerika bertindak menjalinkan hubungan dengan Jepun sekaligus memastikan bahawa negara itu terlindung daripada sebarang pengaruh komunis yang boleh mengancam kedudukan Amerika di rantau Asia.

Namun, Amerika Syarikat sebagai sebuah kuasa tunggal yang menguasai aspek ketenteraan antarabangsa kini tidak lagi mengambil remeh mengenai kebangkitan China ini. Sebagai sebuah kuasa besar, Amerika ingin mengekalkan pengaruh dan kekuasaannya terhadap negara lain. Skop dan pendirian China dalam menjalinkan hubungan dengan negara lain yang semakin kukuh seolah-olah memberi amaran kepada Amerika supaya tidak menganggapnya sebagai sebuah kuasa Asia yang kerdil.

---

<sup>14</sup> Mohd Noor Yazid. (2000). *Politik Antarabangsa Asia Pasifik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.. Hal : 39.



China dianggap akan meningkatkan lagi strategi ketenteraannya supaya menjadi lebih maju pada masa-masa yang akan datang. Bagi Amerika Syarikat, rantau Asia adalah kawasan yang menjadi fokus utama bagi China dalam usaha untuk meluaskan pengaruhnya.

Hubungan di antara China dan Amerika Syarikat sememangnya tidak pernah lari daripada isu yang boleh menimbulkan konflik kepada kedua-dua buah negara. Bermula dengan Perang Korea dan Perang Vietnam yang tercetus, Amerika dilihat begitu khuatir sekiranya China dapat menguasai rantau Asia. Namun pada tahun 1971, apabila Presiden Amerika pada ketika itu iaitu Presiden Nixon memulakan lawatannya ke China untuk mengeratkan hubungan di antara kedua-dua buah negara, ia sedikit sebanyak telah mengurangkan ketegangan yang tercetus di antara kedua-dua belah pihak. Amerika telah mengiktiraf China sebagai sebuah negara yang berdaulat.<sup>15</sup>

Hubungan Amerika dengan China ini sebenarnya telah bermula semenjak tahun 1789 iaitu ketika Amerika berada di bawah pentabiran George Washington sehinggalah pada zaman penjajahan kuasa Barat di China. Kemudian selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, Amerika mula menyatakan sokongan kepada Taiwan yang memenangi perang saudara dengan China yang berfahaman komunis. Kemudian, China mulai mengubah persepsinya serta menganggap bahawa Amerika adalah musuh yang perlu dihadapi.<sup>16</sup> Selain daripada itu, isu-isu yang wujud dalam mengeruhkan lagi hubungan dengan Amerika Syarikat adalah seperti isu di Medan

---

<sup>15</sup> *Ibid.*, Hal: 47.

<sup>16</sup> *Ibid.*, Hal: 109.

<sup>17</sup> Isu Medan Tiananmen ini berlaku pada tahun 1989 yang menyaksikan pembunuhan pelajar beramai-ramai sebagai suatu tindakan memprotes pengamalan sistem komunisme di China dan para pelajar yang terlibat di dalam tunjuk perasaan ini menggesa agar kerajaan China untuk mengubahnya kepada sistem demokrasi. Namun, tindakan penunjuk perasaan ini tidak diendahkan oleh China dan mengambil langkah dengan mengerahkan tentera untuk menyuraikan penunjuk perasaan sehingga melibatkan kematian ramai orang awam. Tindakan China ini disifatkan sebagai suatu langkah yang tidak wajar oleh Amerika Syarikat. Amerika pula menggunakan isu tersebut untuk mengkritik hak asasi manusia di China.

Tiannanmen pada tahun 1989<sup>17</sup>, isu Taiwan<sup>18</sup>, pengeboman Kedutaan China di Belgrade<sup>19</sup> serta isu pesawat pengintip Amerika yang mencero boh ruang udara China.<sup>20</sup>

Kini, hubungan di antara China dengan kuasa besar tersebut cuba untuk dipulihkan melalui lawatan yang dijalankan oleh kedua-dua pemimpin negara tersebut. Lawatan Presiden Amerika Bill Clinton ke China pada tahun 1998 menyaksikan percubaan untuk menjalinkan hubungan yang rapat di antara kedua-dua buah negara. Secara tidak langsung, peristiwa ini akan memberikan implikasi terhadap kedua-dua negara tersebut. Hubungan China dan Amerika ini dilihat adalah tidak menentu serta sukar diramalkan memandangkan kedua-duanya mengamalkan fahaman ideologi yang berbeza.

Kebangkitan kuasa China di rantau Asia menjadikan Amerika bertindak untuk mengukuhkan aspek pertahanannya. Doktrin strategik Amerika pada abad ke 21 telah mengorientasikan China sebagai pencabarnya terutamanya

---

<sup>18</sup> Konflik yang timbul di antara Taiwan dan China adalah China menganggap Taiwan sebagai sebuah wilayahnya. Namun, sokongan terbuka Amerika Syarikat terhadap Taiwan menjadikan China gusar sekiranya Taiwan akan diberi bantuan ketenteraan yang dapat mengancam kedudukan China. Bagi pihak Taiwan pula, hubungan China dengannya adalah di antara negara dengan negara dan tidak pernah menganggap dirinya sebagai sebuah wilayah di bawah kuasa China. Isu yang berterusan ini akan menimbulkan implikasi yang besar kepada negara-negara lain di rantau Asia kerana tindakan Amerika yang turut sama campurtangan.

<sup>19</sup> Konflik di antara China dan Amerika bertambah tegang apabila berlakunya peristiwa pengeboman Pejabat Kedutaan China di Belgrade oleh pihak NATO pada tahun 1999. Walaupun Amerika telah memberikan permohonan maaf kepada China, namun ia tidak dapat diterima dengan mudah kerana Beijing beranggapan bahawa tindakan tersebut adalah disengajakan.

<sup>20</sup> Ia berkisar mengenai pesawat pengintip Amerika EP-3 dalam suatu misinya yang telah merempuh salah sebuah jet pejuang China semasa mengintip zon ekonomi eksklusif China pada bulan April. Jet pejuang milik China termasuk juruterbangnya telah hilang apabila pesawat pengintip Amerika yang melanggar dan melakukan pendaratan kecemasan di lapangan terbang ketenteraan China di Pulau Hainan. Amerika memohon maaf di atas kejadian yang berlaku tetapi bagi China tindakan yang dilakukannya adalah sesuatu yang tidak wajar. Lihat Yang, Dali L. (2002). China in 2001 : Economic Liberalization and Its Political Discontents, *Asian Survey*, Vol 42, No 1, Hal: 15-16.

dalam isu peluru berpandu dan peningkatan dalam perkembangan Revolusi Dalam Perihal Ketenteraan (*Revolution in Military Affairs*).<sup>21</sup> Oleh yang demikian, Amerika telah cuba untuk memperkukuhkan kehadirannya di rantau Asia melalui tindakannya menempatkan tentera. Amerika juga telah mengukuhkan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain seperti India, Korea Selatan, Australia, Thailand, Filipina dan Jepun untuk memastikan agar kuasa China dapat dibatasi.<sup>22</sup>

Bagi pihak China pula, ia mengambil beberapa langkah seperti mempertingkatkan keupayaan sistem persenjataan yang berasaskan kepada teknologi tinggi, strategi pertahanan tempatan yang lebih kompetitif serta strategi dalam maklumat peperangan sebagai usaha untuk menghadapi Amerika. Amerika berpandangan bahawa walaupun hubungan di antara kedua-dua buah negara ini adalah penting dalam aspek ekonomi, namun pada masa hadapan China dianggap sebagai pencabarnya di medan perang. Sejak 1990-an lagi, program pemikiran strategik Amerika tetap mengandaikan bahawa China adalah ancaman utama kepada kepentingan Amerika.

Bagi China, ia akur dengan kemajuan yang dimiliki oleh Amerika Syarikat dalam aspek pertahanannya. Oleh yang demikian, ia telah cuba untuk melaksanakan proses modenisasinya dalam aspek pertahanan untuk muncul sebagai sebuah kuasa yang mampu untuk menguasai aspek keselamatan, sekaligus akan membantunya untuk mencapai hasrat sebagai sebuah kuasa besar. Kekuatan ketenteraan China dilihat akan menjadi semakin kukuh pada dekad-dekad yang akan datang. Perluasan pengaruh China di rantau Asia akan memaksa Amerika supaya berundur dari rantau tersebut.

Amerika juga menumpukan perhatiannya kepada ancaman peluru berpandu di China. Seperti yang dinyatakan dalam '*Bulletin of The Atomic Scientist*' dan '*SIPRI Yearbook 1999*', China dianggarkan mempunyai 400 kepala peledak nuklear. Senjata nuklear China dikawal oleh Suruhanjaya Tentera

---

<sup>21</sup> Mohd Zaki Mohd Salleh. (November 2001). China: Kuasa Ketenteraan Baru Selepas Amerika Syarikat?, *Perajurit*, Jilid 9. Kuala Lumpur: Atlas Cetak (M) Sdn. Bhd. Hal: 41.

<sup>22</sup> Ibid., Hal: 42.

Pusat yang diketuai oleh presiden. Ia juga memiliki 20 unit peluru berpandu balistik antara benua jenis Dong Feng (DF)-5/5A yang menjadi tulang belakang bagi pertahanan nuklear strategik angkatan tenteranya. Ia dilengkapi dengan pengkalan kedap, isian cecair dan sistem kepala peledak peluru tunggal yang mampu untuk diarahkan ke bahagian Amerika. China turut memiliki peluru berpandu Ju Long (JL)-1 yang mampu menjangkau jarak sejauh 1,800 kilometer sekiranya dilancarkan dari laut. Secara umumnya, keupayaan China memiliki peluru berpandu ini memperlihatkan kemampuan China untuk mencapai aspirasi menjadi sebuah kuasa besar pada masa hadapan. Namun, analisa yang dapat dibuat adalah China meningkatkan keupayaan senjata nuklearnya untuk menghalang ancaman dari negara-negara yang turut memiliki senjata nuklear dan dalam masa yang sama ia juga adalah untuk berada setaraf dengan negara-negara tersebut.

Keupayaan China di dalam mencipta pelbagai jenis kepala peledak peluru berpandu (*Warhead missiles*) adalah merupakan di antara modenisasi yang akan menjadikannya lebih mantap dalam aspek pertahanan. Implikasi daripada hal ini adalah China telah mengalami perubahan yang positif dalam aspek ketenteraannya serta dapat meningkatkan pengaruhnya dalam aspek ketenteraan. Kebangkitan kuasa China pada hari ini membolehkannya bertindak untuk membentuk angkatan tentera yang lebih kuat dengan sokongan dalam teknologi infrastruktur yang dimiliki China. Tambahan pula, permodenan yang berlaku dalam angkatan tentera China memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Keadaan ini tidak menimbulkan masalah kepada China memandangkan ia mengalami pertumbuhan ekonomi yang cukup memberangsangkan untuk mengukuhkan kedudukan ketenteraannya. Proses pertumbuhan ekonomi di China sebenarnya telah banyak menyumbang kepada perkembangan aspek ketenteraannya.

Walaupun China kini sedang berada dalam proses penyusunan semula, tetapi jumlah keanggotaannya masih besar. Walaupun perbelanjaan ketenteraan China tidak dapat menandingi perbelanjaan ketenteraan Amerika, namun keupayaan China tidak boleh dipandang ringan. Dalam aspek pembangunan kapal selam pula, China telah memulakan program pada tahun 1960-an dan pembangunannya semakin menurun menjelang tahun 1980-an yang melibatkan banyak kapal selam berkuasa diesel dan berkuasa nuklear.

Jumlah kapal selam China walaupun kecil tetapi ia adalah lebih moden. Kini China memiliki kapal selam terbaru jenis Kilo dan Song (Type 039). Kapal selam Song yang pertama telah ditauliahkan pada tahun 1999 dan terdapat dua buah lagi yang masih dalam pembinaan. Pembelian tambahan kapal selam dibuat bagi menjalankan tugas rondaan di selat Taiwan. China memiliki dua buah kapal pemusnah kelas Sovremeny milik Rusia pada tahun 2000 yang mana ia adalah kapal perang yang paling moden serta memiliki sistem persenjataan yang lebih baik yang pernah dimiliki oleh Tentera Laut China Selatan setakat ini.

China kini sedang meningkatkan keupayaan pertahanannya seiring dengan kuasa-kuasa besar yang sedia ada. Bantuan dan sokongan daripada pihak Amerika Syarikat diperlukan dalam konsep ekonomi global kini untuk mengukuhkan kedudukannya dengan potensi ekonomi yang dimiliki. Walaupun pembangunan ekonomi China adalah tumpuan utama, namun perkembangannya adalah penting untuk merealisasikan idea permodenan angkatan tentera China untuk suatu tempoh jangka masa yang panjang.

Dalam aspek politik dan ekonomi, rantau Asia Timur sememangnya memberikan kesan terhadap pengaruh dan kesan terhadap Amerika Syarikat sebagai sebuah kuasa besar. Di sebalik kepentingan dalam aspek perkembangan ekonomi rantau Asia yang semakin meningkat, ia sebenarnya adalah sesuatu yang amat signifikan terhadap aspek keselamatan Amerika Syarikat itu sendiri. Amerika sebenarnya mempunyai beberapa kepentingan asas di rantau Asia iaitu mengekalkan capaian yang lebih terbuka dalam aspek pasaran, mengekalkan konsep keterbukaan laluan laut rantau Asia dalam aspek komunikasi serta memastikan agar tiada sebuah kuasa atau sekumpulan kuasa mendominasi rantau tersebut.

Kekuatan kuasa ketenteraan Amerika Syarikat memberikan kelebihan buatnya untuk mengetuai peperangan dengan mengenakan sekatan terhadap negara-negara yang tidak sehaluan dengannya serta terlibat dalam banyak isu keselamatan. Kebangkitan semula China sebagai sebuah kuasa yang hebat telah mewujudkan konsep kerjasama di antara China dengan Amerika. Sifat, skop dan kemampuan China dalam hubungan strategik dengan Amerika telah muncul sebagai suatu isu keselamatan yang penting.

Amerika di bawah pentadbiran Bush menganggap China sebagai cabaran strategik dalam jangka masa panjang. China dilihat sebagai kemunculan semula kekuatan Soviet yang baru.<sup>23</sup> Terdapat dua perkara penting yang menjadi tumpuan Amerika iaitu reaksi China terhadap inisiatif peluru berpandu Amerika serta ancaman China kepada Taiwan. Oleh yang demikian, Presiden Bush telah melaksanakan dasar serta pendekatan yang lebih seimbang dengan China. Amerika telah menyokong penuh penyertaan China sebagai salah sebuah negara anggota dalam *World Trade Organisation* (WTO) dan juga memperbaharui serta menyatakan sokongan terhadap taraf *Permanent Normal Trading Relations* (PNTR) kepada China.<sup>24</sup>

Usaha China untuk muncul sebagai sebuah kuasa besar di rantau Asia menjelang 2050 dilaksanakan melalui "*New Security Concept*" yang mana ia akan cuba untuk menggantikan tempat Amerika sebagai kuasa yang utama di rantau tersebut serta pada masa yang sama ia akan menghindari perlumbaan senjata dengan negara-negara jirannya dalam rantau tersebut.<sup>25</sup>

Amerika masih menganggap China sebagai '*major player*' dalam senario antarabangsa. Selaras dengan pertumbuhan ekonomi di China, ia menjadikan China lebih berupaya untuk melaksanakan proses modenisasi pertahanannya. Pada tahun 1995, kerajaan China telah memperuntukkan sebanyak 7.5 billion dollar Amerika untuk aspek pertahanannya. Pada tahun 1996, jumlah tersebut bertambah menjadi 8.66 billion dollar Amerika dan kemudiannya ia telah meningkat menjadi 9.7 billion dollar pada tahun 1997.<sup>26</sup>

Usaha China membentuk semula pasukan pertahanannya adalah berdasarkan kepada beberapa sebab iaitu ekoran daripada pencapaian dalam aspek ekonomi, China mampu untuk membiayai aspek ketenteraannya dengan melabur modal dalam aspek pertahanan. Kedua, ahli-ahli strategi China

---

<sup>23</sup> Scobell, Andrew. (2002). *Crouching Korea, Hidden China : Bush Administration Policy Toward Pyongyang and Beijing*, *Asian Survey*, Vol 42, No 2, Hal: 356.

<sup>24</sup> *Ibid.*, Hal: 360.

<sup>25</sup> Marti, Michael E. (2001). *China : Making the Case for Realistic Engagement*, *Strategic Forum*, No 185.

<sup>26</sup> Lihat dalam Leeb, Scott M. (1997). *Military Forces in The Asia Pacific Region: China and The 21<sup>st</sup> Century*. Washington : Institute for National Strategic Studies.

telah mengenalpasti beberapa isu keselamatan yang berkisar kepada isu Taiwan, ketegangan di Semenanjung Korea serta pertikaian yang masih lagi belum mencapai kata sepakat dalam isu di Laut China Selatan. Masalah-masalah ini akan dapat diatasi dengan lebih berkesan sekiranya China meningkatkan keupayaannya ketenteraannya.

Semenjak berakhirnya Perang Dingin, Amerika muncul sebagai sebuah kuasa yang tiada pencabarnya. Sistem Unipolar<sup>27</sup> pada ketika itu menyaksikan Amerika menggubal beberapa polisi yang dibuat khas untuk mengekalkan keunggulan nasionalnya.<sup>28</sup> Perkembangan ekonomi telah mewujudkan konsep saling bergantung namun pada masa yang sama persaingan dan keselamatan di kalangan kuasa-kuasa utama di rantau Asia Timur juga telah meningkat. Meskipun Amerika mempunyai dominasi yang tiada bandingannya, namun ia sebenarnya juga turut bergantung dengan rakan-rakan dan pakatan serantau di Asia Timur untuk memainkan peranan yang lebih penting.

Oleh yang demikian, Amerika dilihat mempunyai matlamat untuk mengekalkan kepentingannya di rantau Asia Timur. Beberapa jabatan utama di Amerika seperti *The White House National Security Strategy*, *The Joint Chiefs' National Military Strategy* dan *Pentagon's Security Strategy* yang khusus dalam bidang Asia Timur dan Pasifik pada 1995 telah menyediakan laporan mengenai kepentingan Amerika selepas Perang Dingin adalah seperti berikut;

- 1) Untuk mempromosikan dunia yang lebih stabil dan selamat, di mana aspek politik dan ekonomi berada dalam kebebasan, serta kemakmuran dalam hak asasi manusia serta demokrasi.

---

<sup>27</sup>Sistem unipolar ini merujuk kepada sistem yang mempunyai satu kuasa dominan di dalam politik antarabangsa. Ia juga adalah kemampuan sesebuah negara untuk mendominasi negara lain sehingga mampu untuk mewujudkan sebuah empayar. Pada masa selepas berakhirnya Perang Dingin, Amerika dilihat sebagai sebuah kuasa yang dominan. Namun pada suatu ketika dahulu Empayar Roman dan China boleh dijadikan sebagai contoh kuasa yang dapat menguasai seluruh masyarakat bertamadun di sekitarnya.

<sup>28</sup> Green, Michael J. (2001). *The United States and East Asia in The Unipolar Era.*, *The Journal of Strategic Studies*, Vol 24, No 4, Hal: 21.

- 2) Untuk meningkatkan ekonomi Amerika serta memastikan peluang untuk kekayaan individu dan berikhtiar untuk mengekalkan sumber di dalam dan di luar negara.
- 3) Untuk memelihara kelangsungan Amerika sebagai sebuah bangsa yang bebas dan berdikari dengan nilai-nilai asas yang sempurna serta institusi-institusi dan keselamatan rakyatnya.

Bertitik tolak daripada isu keselamatan, Amerika di bawah pentadbiran Bush telah menggariskan matlamat untuk menggunakan kuasa ketenteraan hanya untuk menyatakan mengenai kepentingan Amerika sahaja yang menekankan kepada keselamatan nasional khususnya dalam pertahanan peluru berpandu nasional (*National Missiles Defense*) daripada penggunaan kuasa ketenteraan serta memastikan bahawa hubungan baik perlu dikekalkan terutamanya dengan China dan Korea Utara.

Strategi Amerika di Asia Timur dalam abad ke-21 ini berkisar kepada usahanya untuk mengekalkan pasukan ketenteraannya di rantau tersebut. Bagi pihak China, ia lebih menumpukan kepada usahanya ke arah saling bergantung, keterbukaan dan juga menekankan konsep keselamatan. Hubungan masa hadapan China dan Amerika penting dalam menentukan keselamatan di rantau Asia Timur pada dekad yang akan datang. Namun, hubungan ini dilihat seringkali berada di dalam keadaan yang tidak menentu. Sokongan Amerika terhadap Taiwan serta kelewatan China memasuki WTO menunjukkan sikap Amerika yang tidak konsisten terhadap China.

China telah memodenkan aspek nuklearnya untuk memastikan kelangsungannya kerana ia percaya bahawa ia akan menjadi lebih kritikal sekiranya berlaku sebarang konfrontasi. Peluru berpandu dalam aspek ketenteraan China adalah sebagai suatu simbol kekuatan mereka.

Ekoran beberapa siri peperangan yang menemukan Amerika dengan China seperti dalam Perang Vietnam dan Korea, China menyedari bahawa ia sebenarnya kekurangan dari segi kekuasaan ketenteraan serta kuasa ekonomi untuk meluaskan kuasanya. Oleh yang demikian, China telah melaksanakan pembangunan dalam aspek ekonomi sebagai suatu langkah permulaan ke



arah menjadi sebuah kuasa yang unggul dan berpengaruh.<sup>29</sup> Selaras dengan pembangunan ekonomi, China dan Amerika telah menjadi rakan dagangan yang penting. Namun China menyedari bahawa Amerika juga turut mempunyai kepentingan tertentu bukan sahaja dalam aspek ekonomi tetapi juga dalam hal ehwal strategik.<sup>30</sup>

Dalam hubungan dengan kebanyakan negara-negara Asia, China adalah 'the major player' dalam aspek demografi, ekonomi dan keselamatan. Amerika pula merupakan rakan yang paling besar dalam hubungan global termasuk dalam hubungan Amerika dan Kesatuan Eropah.<sup>31</sup> Kedua-dua negara iaitu China dan Amerika Syarikat adalah negara yang besar dengan hubungan yang tidak simetri (*asymetry*). Hubungan ini digambarkan sebagai hubungan kuasa-kuasa besar dunia pada dekad 1990-an ini iaitu hanya terdapat satu kuasa besar sahaja yang mempunyai hanya sedikit kelebihan daripada kuasa-kuasa besar yang lain. Oleh itu, kuasa-kuasa lain berpotensi untuk mencabar kuasa besar tersebut. Dalam era kini, hubungan ini merujuk kepada Amerika Syarikat yang berhadapan dengan China, Kesatuan Eropah, Jepun dan juga Russia. Terdapat tiga dimensi tidak simetri yang dikenalpasti dalam hubungan dua negara ini iaitu skala yang diwakili oleh populasi, kapasiti ekonomi yang diwakili oleh GNP serta kapasiti ketenteraan yang diwakili oleh perbelanjaan dalam aspek pertahanan. China adalah sebuah negara yang mempunyai sempadan daratan iaitu 22,143 kilometer persegi dengan 14 buah negara jiran serta berhampiran dengan negara-negara yang berdekatan dengan lautan. Amerika Syarikat pula mempunyai kawasan persempadanan seluas 12,248 kilometer dengan 2 negara jiran yang paling hampir, namun ia merupakan sebuah kuasa ekonomi dan politik yang utama dalam persekitaran global.<sup>32</sup>

---

<sup>29</sup> Bermula dengan pelaksanaan Pelan Empat Modenisasi yang dibuat pada tahun 1978 dalam aspek pertanian, industri, teknologi dan pertahanan serta pembentukan zon ekonomi yang lebih istimewa, ia telah menjadikan China lebih terbuka dengan negara Barat yang bertindak sebagai pemberi sumber modal untuk pembangunan. Lihat Jones, Walter S. (1991). *The Logic of International Relations (7<sup>th</sup> ed.)*. USA: Harper Collins Publishers. Hal: 165-166.

<sup>30</sup> *Ibid.*, Hal: 167.

<sup>31</sup> Womack, Brantly. (2001). How Size Matters : The United States, China and Asymetry, *The Journal of Strategic Studies*, Vol 24, No 4, Hal: 123.

<sup>32</sup> *Ibid.*, Hal: 127-128.

Secara umumnya, China berada dalam kedudukan yang selamat untuk mengetuai peranan di rantau Asia. China menganggap dirinya sebagai sebuah kuasa yang hebat dan semenjak berlakunya Perang Candu pada tahun 1840 sehingga ia 'bangun semula' pada tahun 1949, China mempunyai pengalaman sebagai sebuah negara yang lemah lantas berusaha untuk menjadi lebih kuat.<sup>33</sup> Dalam era masa kini, China telah melaksanakan pelbagai perubahan untuk pertumbuhan ekonominya serta melakukan pembaharuan dalam hubungan dengan negara-negara jirannya. Walaupun China dianggap sebagai pesaing dalam aspek perdagangan, bantuan asing dan juga pelaburan namun ia tetap penting kepada negara-negara sekitarnya. Amerika pula diakui sebagai sebuah kuasa besar manakala ia melihat China sebagai sebuah kuasa di peringkat serantau sahaja.

Presiden Bush dalam ucapannya pada April 2000 menganggap China sebagai "*strategic partner*" dan kemudiannya menyatakan bahawa China adalah "*strategic rival*" yang perlu dihadapi. Setiausaha negara Amerika Collin Powell menyatakan bahawa;

*"A strategic partner China is not, but neither is China our inevitable and implacable foe. China is a competitor, a potential regional rival, but it is also a trading partner willing to cooperate in areas where our strategic interest overlap. China is all of these things, but China is not an enemy, and our challenge is to keep that away."*<sup>34</sup>

## **HUBUNGAN CHINA DAN SOVIET UNION**

China dan Soviet Union adalah dua buah negara yang mengamalkan fahaman komunis serta mempunyai hubungan yang baik semenjak tahun 1949 di awal-awal proses pembangunan China, berbeza dengan hubungan yang wujud di antara China dan Amerika Syarikat. Hubungan luar China dapat

---

<sup>33</sup> Ibid., Hal: 140.

<sup>34</sup> Scobell, Andrew. (2002). *Crouching Korea, Hidden China: Bush Administration Policy Toward Pyongyang and Beijing*, Asian Survey, Vol 42, No 2, Hal: 3644.

dibahagikan kepada tiga peringkat penting iaitu pada tahun 1949 sehingga tahun 1960 ia mempunyai hubungan yang cukup rapat dengan Soviet Union. Pada tahun 1960 sehingga tahun 1972 pula menyaksikan hubungan China yang anti-Soviet dan juga anti-Amerika serta hubungan China pada tahun 1972 sehingga tahun 1978 adalah tempoh pemulihan China dengan Amerika.

Hubungan rapat China dan Soviet Union adalah berdasarkan kepada pergantungan yang wujud dalam aspek ekonomi dan ketenteraan. Pada tahun-tahun awal pembangunan China, ia amat bergantung dengan Soviet khususnya dalam aspek ekonomi. Model ekonomi Soviet diadaptasikan di China memandangkan kedua-duanya mengamalkan fahaman yang sama. Kemudian dalam aspek keselamatan pula, China telah menandatangani Perjanjian Pakatan dan Persahabatan 30 tahun dengan Soviet Union untuk menjamin keselamatan China daripada ancaman luar.<sup>35</sup>

Hubungan rapat di antara China dan Soviet berterusan dalam memastikan agar dapat bersama-sama menghadapi ancaman Amerika Syarikat. Kemudian, wujud konflik dalam hubungan China dan Soviet dalam aspek persempadanan. Peristiwa ini menjadikan hubungan China kini lebih tertumpu kepada Amerika Syarikat untuk menghadapi sebarang ancaman daripada Soviet Union. Keruntuhan Soviet Union pada awal tahun 1991 menyaksikan bahawa China berpotensi besar untuk menggantikan kuasa Soviet sebagai sebuah kuasa yang berpengaruh. Walaupun China menafikan akan menggantikan kedudukan Soviet sebagai sebuah negara berfahaman komunis yang berpengaruh, namun China dilihat sedang membentuk suatu lingkungan pengaruh sebagai sebuah kuasa besar, walaupun bukan sebagai pemimpin kem komunis tetapi sebagai pemimpin negara-negara yang anti-Amerika.<sup>36</sup> Andaian ini disokong dengan kelebihan yang dimiliki oleh China itu sendiri dalam aspek pertahanan, bilangan penduduk serta sumber bahan mentah. Pengembalian Hong Kong dan Macau kepada China juga akan dapat mengukuhkan kedudukan China di arena antarabangsa.

---

<sup>35</sup> Mohd Noor Yazid. (2000). *Politik Antarabangsa Asia Pasifik*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.. Hal :64.

<sup>36</sup> Ibid; Hal :101.

China dan Soviet Union adalah dua negara blok komunis yang dilihat dapat memberikan ancaman kepada pihak Barat kerana kekuatan yang dimiliki dalam aspek ketenteraan. China telah terlibat dalam Perang Korea dengan sokongan penuh daripada Soviet dan bantuan yang diberikan oleh Soviet dalam peralatan peperangan. Namun, hubungan kerjasama yang rapat ini mulai longgar apabila berlaku pertikaian dalam aspek persempadanan dan juga perubahan dalam aspek ekonomi tempatan dalam kedua-dua buah negara.<sup>37</sup> Oleh kerana untuk memastikan keselamatannya terus bertahan, maka China telah menjalinkan hubungan yang baik dengan Amerika Syarikat pada awal tahun 1970-an. Namun, akibat daripada dasar pintu terbuka yang dilaksanakan oleh China pada tahun 1978 telah meningkatkan lagi hubungan China dan Amerika akibat daripada kerjasama yang terjalin dalam perdagangan antarabangsa yang dijalankan.<sup>38</sup>

## **CHINA DAN ASEAN**

ASEAN adalah sebuah pertubuhan yang dibentuk berasaskan kepada konsep kerjasama negara-negara Asia Tenggara yang pro-Barat dan cuba untuk menyelamatkan negara masing-masing dari ancaman komunis. Ia dianggotai oleh Brunei, Filipina, Kemboja, Laos, Myanmar, Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand dan Vietnam. Kedudukan geografi Asia Tenggara yang strategik dan kaya dengan sumber bahan mentah sememangnya menjadi tumpuan kuasa-kuasa besar. Namun, kebanyakan negara-negara di rantau Asia Tenggara ini adalah terdiri daripada negara-negara yang pernah dijajah oleh kuasa kolonial Barat melainkan Thailand. Lantaran itu, wujud konsep kebergantungan di antara ASEAN dan kuasa-kuasa Barat ini dalam pelbagai aspek khususnya ekonomi dan keselamatan.

Dalam aspek keselamatan, wujud perjanjian yang dimeterai di antara kuasa-kuasa Barat ini dengan negara-negara Asia Tenggara. Perjanjian yang termeterai ini adalah ekoran daripada perluasan kuasa komunis di Asia

---

<sup>37</sup> Segal, Gerald. (1991). *The World Affairs Companion*. London: Simon & Schuster. Hal: 173.

<sup>38</sup> Ibid., Hal: 175.

Tenggara. Di Malaysia misalnya, ancaman komunis telah menjadikan pergantungan wujud dengan pihak Barat melalui bantuan keselamatan yang diberikan. Komunis di Malaya pada ketika itu mendapat sokongan penuh daripada komunis pusat di China. Oleh yang demikian, terbentuklah Perjanjian Pertahanan Anglo-Malaya (AMDA) pada tahun 1957 di mana kerajaan British menjamin akan menghulurkan bantuan ketenteraan kepada Tanah Melayu sekiranya diserang komunis. China pada ketika ini tidak dapat menjalinkan hubungan baik dengan mana-mana negara Asia Tenggara memandangkan fahaman komunis yang dipegang olehnya.

Namun kini, China memberikan tumpuan yang lebih terhadap ASEAN. Hubungan baik di antara ASEAN dan China juga telah dipulihkan melalui kerjasama yang dilakukan dalam aspek perdagangan serta lawatan pemimpin-pemimpin negara untuk memastikan agar semua negara mendapat manfaat daripada kerjasama yang terjalin. Perkembangan ekonomi ASEAN menjadikannya sebagai pasaran untuk barangan keluaran China. ASEAN yang terbentuk sebagai sebuah organisasi ekonomi serantau mempunyai potensi dalam aspek politik dan keselamatan. Perkembangan ekonomi China pula dilihat dapat memberikan kelebihan untuk negara-negara ASEAN. ASEAN mengiktiraf China sebagai sebuah kuasa ekonomi dan ketenteraan. Sebagai tindak balas terhadap status China yang semakin meningkat serta bertujuan untuk mengurangkan kuasa Amerika, negara-negara anggota ASEAN telah menubuhkan *ASEAN Regional Forum (ARF)* untuk membincangkan mengenai isu-isu serantau.<sup>39</sup> Melalui forum yang dibentuk ini, China dan ASEAN dapat bersama-sama menumpukan dalam aspek keselamatan sekaligus akan menjaga kepentingan ekonomi kedua-dua belah pihak. China menganggap ARF sebagai suatu pembuktian kerjasama serantau yang dapat dicapai di Asia.

---

<sup>39</sup> ARF adalah sebuah forum perundingan yang diwujudkan dalam tahun 1994. China tergolong sebagai sebuah negara yang merupakan rakan dialog dalam forum perundingan ini. ARF adalah kesedaran dan struktur kerjasama negara-negara Asia Tenggara untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan. Objektif perundingan ARF adalah seperti mengadakan dialog dan perundingan atas isu yang berkaitan dengan politik dan keselamatan serta untuk menghasilkan sumbangan penting dalam usaha mewujudkan pembinaan keyakinan (*confidence building*) dan juga penahanan diplomasi (*preventive diplomacy*) dalam kawasan Asia Pasifik.

Selepas era Perang Dingin, kawasan Asia Pasifik memerlukan struktur keselamatan yang lebih teratur untuk menguruskan konflik dan tekanan yang dihadapi oleh negara-negara di rantau tersebut. Antara isu yang menjadi teras dalam konflik yang berlaku adalah isu Laut China Selatan iaitu tuntutan bertindih kawasan tersebut oleh negara-negara Asia bersama-sama dengan China. China telah menghantar tenteranya ke Laut China Selatan untuk mengukuhkan kubu-kubunya disamping melakukan aktiviti-aktiviti tentera. ARF dilihat sebagai suatu mekanisme kepada jalan penyelesaian berhubung dengan konflik ketenteraan di Laut China Selatan bagi pembinaan perdamaian dan pengendalian krisis melalui perbincangan.

ARF ini adalah merupakan model keselamatan yang dibentuk oleh ASEAN berdasarkan kepada kerjasama keselamatan. Ia juga dilihat melibatkan beberapa pertimbangan untuk menyeimbangkan kuasa. ASEAN begitu khuatir dengan ketidakstabilan dan menumpukan kepada peningkatan pengaruh China. Selepas Perang Dingin, kuasa China adalah isu utama yang dihadapi oleh negara-negara anggota ASEAN, Michael Leifer menyatakan bahawa;

*“For ASEAN, a constructive regional order would ideally be based on the balancing military engagement of the United States. This would allow Japan to continue its limited security policy which in turn would be critical in encouraging China to conduct its regional relations according to those norms that had served the general interests of the ASEAN states so well.”<sup>40</sup>*

Negara-negara di Asia Tenggara juga mempunyai kepentingan yang tersendiri kepada Amerika. Bagi Amerika, rantau ini adalah suatu kawasan yang berpotensi besar dalam aspek ekonomi dan keselamatan. Dalam aspek ekonomi, ia mengalami pertumbuhan yang semakin meningkat meskipun terpaksa berhadapan dengan krisis ekonomi pada tahun 1997. Dalam aspek

---

<sup>40</sup> Leifer, Michael. (1996). *The ASEAN Regional Forum: Extending ASEAN's Model of Regional Security*, Adelphi Paper, No 302, Hal: 19.

keselamatan, rantau ini mempunyai kedudukan yang strategik dan dalam usaha untuk mengekang pengaruh kuasa-kuasa lain, Amerika telah membangunkan pengkalan ketenteraannya di beberapa buah negara ASEAN seperti di Filipina. Ia juga adalah sebagai 'deterrence' atau penghalang kepada ideologi komunisme serta pengaruh China dan Soviet Union.<sup>41</sup> Kepentingan Amerika di rantau ini juga dilihat sebagai memberi amaran kepada 'potential aggressor' iaitu kepada China dan Soviet Union. Ini menunjukkan bahawa Amerika akan menggunakan kuasa ketenteraannya sekiranya kestabilan Asia Tenggara terancam dan kepentingan negaranya terganggu.

Dasar semasa Amerika di rantau Asia Tenggara akan bergantung dalam isu-isu yang berkaitan dengan ekonomi, keselamatan Amerika sendiri, politik serta kestabilan dunia. Kemajuan rantau Asia dalam aspek ekonomi serta kepentingan rantau ini dari segi ekonomi dan juga pertahanan negara kuasa-kuasa besar telah membuka mata Amerika mengenai betapa pentingnya rantau ini. Dalam aspek ketenteraan, rantau Asia Tenggara adalah penghubung antara Lautan Pasifik dan juga Lautan India. Di samping itu, selat-selat tersebut merupakan "petroleum lifeline" kepada sekutu-sekutunya di Timur Jauh seperti Jepun, Korea Selatan dan Taiwan.<sup>42</sup>

China pula dilihat sebagai sebuah kuasa yang akan mencabar kedudukan ketenteraan Amerika di rantau tersebut pada masa yang akan datang. Oleh yang demikian, Amerika mengambil langkah untuk mengukuhkan kehadirannya di rantau tersebut dengan menempatkan tenteranya di pengkalan negara-negara Asia Tenggara. Sekiranya China bangkit sebagai sebuah kuasa baru, maka Amerika terpaksa berhadapan dengan dua kemungkinan sama ada untuk menghadapi konflik dengan China ataupun mengundurkan diri daripada wilayah Asia Pasifik.<sup>43</sup>

---

<sup>41</sup> \_\_\_\_\_ (2002). Kepentingan Pakatan : Pengalaman Amerika Syarikat dengan Arab Saudi-Pakistan, *Perajurit*. Kuala Lumpur :Atlas Cetak (M) Sdn Bhd. Hal : 12.

<sup>42</sup> Ibid; Hal :14.

<sup>43</sup> Mohd Noor Yazid. (2000). *Politik Antarabangsa Asia Pasifik*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.. Hal :78.

## **KESIMPULAN**

Secara amnya, tindakan China menguatkan lagi kekuatan ketenteraannya adalah untuk memastikan agar kepentingan nasionalnya tidak tergugat. Ia adalah jelas kerana pertikaian di antara China dan Taiwan yang masih lagi belum selesai.<sup>44</sup> Langkah China untuk memperbesar dan meningkatkan belanjawan serta melakukan permodenan pertahanan negaranya adalah untuk melindungi negaranya daripada situasi yang tidak diduga. Isu keselamatan China masih lagi menjadi fokus utama Amerika Syarikat dan ini dapat dibuktikan apabila ia melakukan pengintipan yang menimbulkan kemarahan pada pihak China kerana dianggap sebagai salah satu cara yang boleh menggugat hubungan keselamatan kedua-dua belah pihak.

Kekuatan China tidak boleh dipandang ringan meskipun ia masih lagi tidak dapat menandingi sepenuhnya kekuatan Amerika Syarikat. Rantau Asia Timur perlu sentiasa bersedia menghadapi apa jua kemungkinan sekiranya wujud konflik persenjataan pada masa yang akan datang. Ketenteraan China akan terus mengalami permodenan memandangkan terdapat beberapa aspek yang perlu dibaiki seperti menggantikan senjata-senjata lama yang sudah lama dalam simpanannya untuk mengukuhkan lagi kedudukannya. Modenisasi ini berlaku dengan perlahan dan ia memerlukan masa untuk menyesuaikan sistem persenjataan yang baru ke dalam pasukan tenteranya. Walaupun begitu, China masih lagi berusaha untuk setanding dengan kuasa besar yang lain khususnya Jepun, Amerika, Korea dan Taiwan. Oleh yang demikian, China akan terus membangunkan aspek ketenteraannya dengan meneruskan polisi permodenannya serta akan melakukan pelaburan untuk meningkatkan keupayaan ketenteraannya. Potensi ketenteraan China akan terus menjadi isu utama bagi negara-negara kuasa besar dan juga serantau.

---

<sup>42</sup> Taiwan terbentuk apabila berlakunya perang saudara di China iaitu melibatkan pertelingkahan di antara puak komunis dan juga puak Kuomintang pada ketika itu. Puak komunis yang berada dibawah pimpinan Mao Tze-Tung manakala puak Kuomintang pula dibawah Chiang Kai-Shek. Kekalahan puak Kuomintang dalam pilihanraya yang dijalankan menyebabkan para penyokongnya menubuhkan sebuah negara yang dikenali sebagai Taiwan sehingga kini. Lihat Mohd Noor Yazid. (2000). *Politik Antarabangsa Asia Pasifik*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Hal : 35.



## RUJUKAN

- Chan, G. (1999). *Chinese Perspectives on International Relations: A Framework For Analysis*. London: McMillan Press Ltd.
- Yang, Dali L. (2001). China in 2001 : Economic Liberalization and Its Political Discontents, *Asian Survey*, Vol 42, No 1.
- Green, Michael J. (2001). The United States and East Asia in The Unipolar Era., *The Journal of Strategic Studies*, Vol 24, No 4.
- Jones, Walter S. (1991). *The Logic of International Relations (7<sup>th</sup> ed.)*. USA: Harper Collins Publishers.
- Leeb, Scott M. (1997). *Military Forces in The Asia Pacific Region : China and The 21<sup>st</sup> Centur*. Washington: Institute For International Strategic Studies.
- Leifer, Michael. (1996). *The ASEAN Regional Forum: Extending ASEAN's Model of Regional Security*, Adelphi Paper, No 302.
- Marti, Michael E. (2001). *China : Making the Case for Realistic Engagement*. Strategic Forum. Institute for National Strategic Studies, No 185.
- Mohd. Noor Yazid. (2000). *Politik Antarabangsa Asia Pasifik*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Zaki Mohd Salleh. (November 2001). China : Kuasa Ketenteraan Baru Selepas Amerika Syarikat?, *Perajurit*, Jilid 9. Kuala Lumpur: Atlas Cetak (M) Sdn. Bhd.
- Montaperto, Ron. (1995). *China As A Military Power*, Strategic Forum, Institute for National Strategic Studies and National Defence University, No 56.

- Moore, Frank W. (2000). *China Military Capabilities*. Cambridge: Institute For Defense and Disarmament Studies. <http://www.comw.org/cmp/fulltext/iddschina.html>
- Odgaard, Lisette. (2001). Deterrence and Co-Operation in The South China Sea, *Contemporary Southeast Asia*, Vol 23, No 2.
- Scobell, Andrew. (2002). Crouching Korea, Hidden China : Bush Administration Policy Toward Pyongyang and Beijing, *Asian Survey*, Vol 42, No 2.
- Segal, Gerald. (1991). *The World Affairs Companion*. London : Simon & Schuster.
- Wan Abdul Latif Wan Muda. (2001). Perubahan Strategi Nuklear AS, *Perajurit*, Jilid 9. Kuala Lumpur : Atlas Cetak (M) Sdn Bhd.
- Womack, Brantly. (2001). How Size Matters : The United States, China and Asymetry, *The Journal of Strategic Studies*, Vol 24, No 4.
- Zhao, Quansheng. (2001). China and Major Power Relations in East Asia. *Journal of Contemporary China*, Vol 10(29).
- \_\_\_\_\_. (August 1, 1997). *Jiang Calls for a More Powerful Army*, The Star.
- \_\_\_\_\_. (2002). Kapal serang Laju: Kapal Kecil yang Berbisa, *Perajurit*, Jilid 10. Kuala Lumpur : Atlas Cetak (M) Sdn Bhd.
- \_\_\_\_\_. (2002). Kepentingan Pakatan : Pengalaman Amerika Syarikat dengan Arab Saudi-Pakistan, *Perajurit*. Kuala Lumpur :Atlas Cetak (M) Sdn Bhd.

<http://www.rand.org/publications/MG/MG260-1/>